

TARIKH: 16/9/23.

SURAT KHABAR: Sinar Harian.

MUKA SURAT: 26.

SABTU 16 SEPTEMBER 2023 • SINAR HARIAN

M8 26

Waris anggota Rela terima faedah PERKESO

SEREMBAN – Waris kepada anggota Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela) yang meninggal dunia selepas rebah ketika perbarisan sambutan Hari Kebangsaan di Dataran Majlis Bandaraya Seremban, bulan lalu, menerima Faedah Pencen Penakat dan Faedah Orang Tanggungan daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Pengarah PERKESO Negeri Sembilan, Mohammad Bakhtiar Mohamad Akhir menyampaikan baucar Faedah Pencen Penakat kepada anak Allahyarham Muhammad Noh, Ahmad Harraz di Wisma PERKESO Negeri Sembilan pada Khamis.

PERKESO Negeri Sembilan dalam kenyataannya berkata, isteri dan anak-anak Allahyarham turut menerima faedah pengurusan mayat yang sudah dibayar pada 4 September lalu.

“Sejurus mendapat maklumat mengenai berita kematian Muhammad Noh menerusi media massa dan Facebook, Skuad PERKESO Prihatin Seremban mengambil tindakan segera dan membuat semakan mengenai arwah.

“Semakan mendapati waris layak mendapat faedah PERKESO berdasarkan caruman dibuat Allahyarham di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 iaitu sebelum dia bekerja sendiri sebagai anggota Rela,” katanya.

Tambahnya, Allahyarham juga merupakan salah seorang pencarum di bawah Skim Keselamatan Sosial Bekerja Sendiri.

Sementara itu, PERKESO menyeru individu bekerja sendiri mencarum dengan Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri untuk perlindungan mereka.